



SIARAN MEDIA

MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA (MPSM) SESI KE-44 “INSTITUSI DIRAJA”

KUALA LUMPUR : 18 Ogos 2020 – YB Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia hari ini merasmikan **Majlis Polemik Sejarah Malaysia (MPSM) Sesi Ke-44 yang dianjurkan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM) dengan temanya "Institusi Diraja"**. Sejak akhir-akhir ini, isu-isu berkaitan institusi diraja semakin kerap disentuh dan dipolemikkan oleh pelbagai pihak dan peringkat masyarakat. Negara berdaulat dan rakyat celik sejarah serta berfikiran terbuka mampu membangun dan mengorak masa depan negara yang lebih berdaya saing, maju dan dinamik dengan berpaksikan sejarah yang holistik.

ANM telah berjaya menganjurkan **sebanyak 43 sesi dengan 122 pembentangan kertas kerja di Majlis Polemik Sejarah Malaysia sejak diperkenalkan program ini daripada tahun 1994 sehingga kini**. Tujuan utama Majlis Polemik Sejarah Malaysia diadakan adalah untuk menyedarkan orang ramai tentang pentingnya pengetahuan sejarah negara yang tepat dan betul, membincang dan mengemukakan pengkajian-pengkajian dan penemuan-penemuan sejarah Malaysia yang baharu, melengkapkan maklumat dan bahan-bahan sejarah untuk kepentingan sejarah negara; dan menggalakkan masyarakat menggunakan bahan-bahan asal terutamanya bahan-bahan arkib, yang mengandungi fakta-fakta sejarah dalam kajian dan penyelidikan.

Pada awal program ini diperkenalkan, sebanyak 19 sesi telah diadakan dengan menyentuh tentang zaman Pra-Sejarah, Pra-Melaka, Kesultanan Melayu Melaka, Pra-Kesultanan Johor – Riau dan Kesultanan Johor – Riau. Pelbagai aspek dibincang bagi setiap zaman seperti pengasasan, politik, pemerintahan, perdagangan, sosio – budaya, agama, bahasa, penempatan, sistem penggantian, sumber-sumber asing dan tempatan, perundangan, adat-istiadat dan lain-lain lagi.

Seterusnya Majlis Polemik Sejarah Malaysia memasuki fasa selanjutnya yang bertemakan Malaysia Sehingga Abad ke-20. Siri pertama (Sesi ke-20) telah diadakan pada 21 Mac 2002 yang membincangkan bidang politik, pentadbiran, perundangan dan hubungan luar Kerajaan Kedah. Manakala siri kedua (Sesi ke-21) telah diadakan pada 9 Mei 2006 yang membincangkan bidang ekonomi dan perdagangan Kedah. Siri yang terakhir (Sesi ke-22) berkaitan dengan Kedah telah diadakan pada 3 November 2008 membincangkan berkaitan dengan bahasa, kebudayaan, adat dan budaya kerajaan Kedah.

Majlis Polemik Sejarah Malaysia diteruskan dengan tema Petempatan dan Kerajaan Awal Malaysia Sebelum 1400M bermula dari sesi ke-23 iaitu Petempatan Awal Sarawak pada 9 Disember 2010 dan diteruskan sehingga tahun 2016. Tema ini diakhiri dengan Sesi Ke-38 'Sejarah Awal Melaka' yang telah diadakan pada 24 Februari 2016.

Majlis Polemik Sejarah Malaysia kian berkembang dan memasuki fasa kedua pada tahun 2017, dengan membawa tema "Negara Bangsa". Sesi yang ke-39 memfokuskan kepada isu "Kemerdekaan" dan "Pembentukan Malaysia". Pada tahun 2018, Majlis Polemik Sejarah Malaysia dimulakan dengan sesi ke-40 iaitu dengan tema "Perlembagaan Negara" dan seterusnya sesi ke-41 "Sejarah Undang-Undang Tubuh Negeri". Majlis Polemik Sejarah Malaysia diteruskan pada tahun 2019 dengan sesi ke-42 bertemakan "Persempadanan Negeri". Seterusnya, MPPSM Sesi Ke-43 bertemakan "Kesultanan Melayu".

Pada sesi ke-44 kali ini, dua kertas kerja bertemakan "Institusi Diraja" akan dibentangkan oleh Ahli Akademik dan Sejarawan Negara iaitu YBhg. Prof. Emeritus Datuk Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali dari Universiti Malaya (UM) dan YBrs. Prof. Madya Dr. Shamrahayu binti Ab. Aziz, dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Pembentangan ini akan dipengerusikan oleh Tan Sri Prof. Dato' Wira Dr. Abdul Latiff bin Abu Bakar dari Universiti Islam Malaysia (UIM).

Adalah diharapkan agar Majlis Polemik ini dapat menyalurkan maklumat atau penemuan baru kepada masyarakat di samping mengumpul pandangan dan saranan masyarakat terhadap isu ini. Diharapkan juga agar program ini dapat memberi input dan maklumat yang berfaedah bagi mendapatkan hasil kajian yang benar-benar berkualiti dan dapat digunakan bagi tujuan penyelidikan dan rujukan di dalam dan luar negara. Institusi Diraja merupakan tunjang Perlembagaan Persekutuan perlu dilindungi kesuciannya kerana Setia Kepada Raja sebahagian dari Rukun Negara. Pembentangan dan perkongsian maklumat oleh pakar-pakar dari bidang perlembagaan dan sejarah dapat menyalur dan memperjelaskan kepentingan institusi diraja pada mata umum.

ARKIB NEGARA MALAYSIA
18 OGOS 2020

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi
Arkib Negara Malaysia, Jalan Tuanku Abdul Halim
50568 Kuala Lumpur
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674
Faks: 03-6201 5679
Emel: pro@arkib.gov.my